

# 'Perpaduan kental jadi prasyarat penting bangunkan ekonomi'

PM gesa umat Islam terus teroka bidang baharu bagi bina kekuatan masa hadapan

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, umat Islam perlu memahami maksud dan keperluan perpaduan yang menjadi prasyarat penting dalam usaha membangunkan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, kecelaruan dan perpecahan yang berlaku dalam negara Islam boleh dijadikan gelanggang untuk musuh menyerang, menghina dan menjajah seperti yang berlaku di Gaza dan kini menjalar ke Lubnan.

Anwar berkata, umat Islam juga perlu memiliki kefahaman, kesabaran serta kebijaksanaan dalam mengambil sebarang langkah kerana kekuatan sesebuah negara itu akan menjadi tonggak untuk ke langkah seterusnya.

"Sebab itu dalam Kerajaan MADANI kita mulakan dengan memupuk perpaduan yang kental dalam kalangan kita, menjamin supaya ada persefahaman dan perdamaian antara umat Islam dan bukan Islam di negara kita.



Anwar diiringi Mohd Na'im pada perasmian Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Antarabangsa ke-64, di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur, malam kelmarin. (Foto BERNAMA)

"Itu prasyarat untuk bangun ekonomi yang kita sebut mampan, bukan sekadar ekonomi kukuh tetapi beri keselesaan dan jaminan kepada rakyat miskin bandar, desa dan pedalaman dan masyarakat lain yang rasa terpinggir," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Antarabangsa ke-64 (MTHQA) di Pusat Dagangan Dunia di sini, malam kelmarin.

Hadir sama Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Ab-

dul; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

## Perkasa pelajar tahfiz

Perdana Menteri juga mengulangi gesaan supaya umat Islam terus meneroka bidang baharu yang dahulunya asing kerana ia akan menentukan kekuatan masa kini dan hadapan.

Beliau berkata, disebabkan itu, kerajaan komited untuk memas-

tikan hampir 200,000 pelajar tahfiz di seluruh negara ketika ini diperkasa dengan keupayaan teknikal dalam pelbagai bidang seperti tenaga, digital dan juga kecerdasan buatan (AI).

Mengenai MTHQA ke-64, Anwar berharap pengajuannya dapat membangkitkan dan mengangkat martabat umat Islam ke tahap lebih mulia serta membanggakan.

Bertemakan Al-Falah Pemacu Malaysia MADANI', MTHQA ke-64 membabitkan 92 peserta dari 71 negara terdiri daripada 53 peserta tilawah dan 39 hafazan.

Sementara itu, sembilan peserta tilawah dan 10 peserta hafazan memperdengarkan bacaan masing-masing pada hari kedua MTHQA, semalam.

Qari Mesir, Mohamad Abdel Karim Kamel Attia, mendahului senarai peserta tilawah yang berlangsung pada malam tadi, diikuti Qari Kemboja, Kriya Lim; Qariah Kyrgyzstan, Mariam Abdairaimova; Qari China, Ma Fengying dan Qari Filipina, Saidi Datala Saiduna.

Selain itu, Qari Kosovo, Flamur Kasami; Qari Iraq, Riyadh Ah-



Qari dari England, Muhammad Ahmad



Qariah dari Thailand, Woralada Tavorn

med Abed, Qariah Brunei, Dr Siti Wardah Abdul Rahman dan Qari Bosnia and Herzegovina, Ammar Efendic turut memperdengarkan bacaan masing-masing.

Terdahulu, pada sebelah pagi, seramai 10 peserta kategori hafazan selesai menyalurkan bacaan ayat suci al-Quran. Antara mereka, Abdulaye Joau Gaspar dari Angola, Mohammed Bouhassoune (Perancis), Khadija Yacoub Younous Ahmad (Republik Afrika Tengah), Oumar Farouck (Cameron), Mouhamed Issifou (Benin) dan Messoude Toulba dari Mauritania.

Huffaz dari Itali, Muhammad Mudassar, Hafizah dari Maldives, Fathimath

Shaya Zahir bersama peserta dari Ireland Abdulbaari Salami dan Mamadou P Balde dari Liberia, turut memperdengarkan bacaan masing-masing dalam kategori Hafazan.

Pengurniaan hadiah kepada johan tilawah dan johan hafazan al-Quran akan disempurnakan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah pada 12 Oktober ini. BERNAMA